

06 OCT 1998

LANGKAH TEGAS PM SELAMATKAN EKONOMI DARI TERUS MEROSOT

SHAH ALAM, 6 Okt (Bernama) -- Rakyat Malaysia harus bersyukur kerana langkah tegas Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir, dalam hal ehwal ekonomi menyelamatkan negara daripada terus mengalami kegawatan ekonomi.

Menteri Pembangunan Luar Bandar Datuk Annuar Musa hari ini berkata langkah itu bukan sahaja telah mendorong pemulihan ekonomi malah ia mula menimbulkan kepercayaan dan keyakinan di kalangan pelabur asing.

"Rakyat harus bangga dengan pendirian Dr. Mahathir itu dan terus menyokong dalam usahanya untuk mengatasi masalah-masalah yang sedang melanda negara sekarang," katanya kepada pemberita selepas berucap pada majlis tertutup Wacana Cinta Negara anjuran Kemas Selangor di sini.

Annuar berkata langkah Perdana Menteri itu, yang sebelum ini dikecam oleh beberapa negara barat dan juga Tabung Kewangan Antarabangsa (IMF), kini diterima oleh mereka.

"Bila kepentingan mereka (negara-negara barat) terancam, baru mereka mahu mengiktirafkan langkah Perdana Menteri itu sebagai bijak," katanya.

Beliau berkata tindakan Dr Mahathir itu tidak disenangi oleh pihak tertentu yang terikut-ikut telunjuk barat dan ia boleh membawa kesan lebih buruk terhadap ekonomi jika dibiarkan.

Mengenai program wacana itu, Annuar berkata ia akan diadakan seluruh negara termasuk Sabah dan Sarawak sebagai usaha mengatasi kekeliruan yang masih terdapat di peringkat akar umbi masyarakat mengenai masalah-masalah yang dihadapi negara sekarang.

-- BERNAMA

KM NAK